

25/03/2000

Tindakan parti lawan tanda kehabisan modal

MENTAKAB, Jumaat - Tindakan parti pembangkang memperbesarkan isu perlakuan Menteri Besar Pahang menunjukkan parti itu sudah kehabisan modal untuk menarik perhatian pengundi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob menyifatkan tindakan pembangkang itu bertujuan menjatuhkannya melalui serangan peribadi.

"Ini bukan sesuatu yang luar biasa, sebaliknya menandakan kekecewaan pihak pembangkang yang tidak mempunyai cara lain untuk menarik perhatian pengundi.

"Malah, saya percaya mereka akan menggunakan apa saja cara untuk memenangi pilihan raya kecil ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Malam Mesra dengan Masyarakat Cina Mentakab, di sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan kumpulan penyokong Pas membuat laporan polis berhubung kelakuan menunjukkan isyarat lucah pada hari penamaan calon Pilihanraya Kecil DUN Sanggang di Dewan Tun Razak, Selasa lalu.

Petang semalam, Ketua Pemuda Keadilan Nasional Pahang, Zakaria Abdul Hamid membuat laporan polis terhadap Adnan di Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh.

Beliau diiringi kira-kira 20 penyokong Keadilan, termasuk beberapa orang daripada parti Pas yang memakai kad bergambar Adnan dengan kata-kata 'Kepimpinan Melalui Teladan'.

Laporan itu dibuat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336) kerana perlakuan tidak senonoh dan mengeluarkan kata-kata kesat yang boleh mengganggu ketenteraman awam.

Mengikut peruntukan seksyen itu, sesiapa yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM100.

Sejak semalam, laman web yang pro pembangkang, memaparkan beberapa foto dan klip video Adnan yang menunjukkan isyarat lucah pada hari penamaan calon pilihan raya kecil DUN Sanggang di depan Dewan Tun Razak.

Dalam penjelasannya, Adnan berkata tindakannya adalah sebagai tindak balas terhadap perbuatan 'kurang ajar' penyokong pembangkang menunjukkan isyarat lucah kepadanya.

"Saya tidak dapat bertolak ansur lagi apabila mereka menunjukkan isyarat lucah serta melaungkan 'hancur barisan', 'mampus barisan' dan 'mati Mahathir'.

"Saya tidak menganggap diri saya besar dan sebagai menteri besar, sebab itulah saya lakukan apa yang saya lakukan," katanya.

Adnan menyifatkan kumpulan penyokong pembangkang sebagai mereka yang 'agresif dan kasar' dan cara menghadapi mereka ialah dengan cara yang sama.

"Jika didapati ada kesalahan, undang-undang akan menentukannya dan tindakan akan diambil," katanya lagi.

(END)